



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

AHAD
07 September 2025





STEVEN Sim Chee Keong (berdiri, tengah) bersama para pekerja yang menghadiri Hari Perhimpunan Kesatuan Sekerja 2025 di Kepala Batas, Pulau Pinang, semalam. - MINGGUAN/DANIAL SAAD

RUU perlindungan Perkeso 24 jam tunggu keputusan Parlimen sahaja

KEPALA BATAS: Kabinet telah bersetuju dengan cadangan agar para pekerja di negara ini menikmati perlindungan lebih menyeluruh dan Undang-Undang (RUU) bagi meluaskan liputan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) 24 jam sehari itu akan dibawa ke Parlimen tahun ini juga.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, undang-undang baharu tersebut

bakal memberi perlindungan kepada pekerja bukan sahaja ketika berulang-alik ke tempat kerja, tetapi juga dalam kehidupan harian di luar waktu bekerja.

“Dengan pindaan ini, pekerja tetap dilindungi walaupun berada di rumah, keluar makan malam, beriadah atau bercuti hujung minggu.

“Pekerja bukan mesin atau hamba, maka mereka mesti diberi perlindungan menyeluruh,”

katanya kepada pemberita selepas menghadiri Hari Perhimpunan Kesatuan Sekerja 2025 di sini, semalam.

Perhimpunan itu menghimpunkan kira-kira 3,000 anggota kesatuan sekerja bersama kepimpinan peringkat negeri.

Perubahan yang dirancang ini dilihat mampu memberi jaminan sosial lebih kukuh kepada warga pekerja yang merupakan tulang belakang pembangunan negara.

Bill on 24/7 worker protection may be tabled by year-end

By LO TERN CHERN
andylo@thestar.com.my

KEPALA BATAS: The Bill to amend the Employees' Social Security Act 1969, aimed at enabling 24-hour protection for workers, is expected to be tabled in Parliament by year-end, says Human Resources Minister Steven Sim.

He said the Cabinet has approved the Bill and the ministry is preparing the draft amendment.

"This has been a long-standing struggle championed by the trade union movement and supported by our partners like the Malaysian Employers Federation to cover workers beyond just working hours," he said.

Sim noted that protection is currently limited to incidents related to employment during working hours, including commuting to and from work.

"If a worker has finished work and takes their child out for dinner, any mishap that occurs then is not covered.

"This is a major gap, especially when only 40% of Malaysians are protected under private insurance," he said, adding that there is a need to ensure workers receive comprehensive and sufficient protection.

"They must be protected not only during working hours but also beyond, because they still need to return to work the next day," he said at the National Trade Union Assembly here yesterday.

Sim also said initiatives had been rolled out to strengthen worker protection, training and trade union solidarity.

The first is the opening of the Kesuma One-Stop Labour Centre, where workers and employers can access the ministry's services under one roof, he said.

"The centre will enhance services to facilitate workers as well as our partners and employers in obtaining services from the ministry.

"We have started in Penang, Kuala Lumpur, Johor and Sabah. If successful, this initiative will be



One for the album: Sim (centre), flanked on his right by Mohd Shaharin and on his left by Penang local government, town and country planning committee chairman Jason H'ng Mooi Lye, with other delegates of the national-level Trade Union Assembly held at Bertam Resort in Kepala Batas. — ANDY LO/The Star

expanded nationwide," he said.

For the second initiative, Sim said 100 participants from three major labour groups would be roped in for a free Industrial Relations (IR) training programme, which usually costs RM3,000 per person.

The groups are the Malaysian Trades Union Congress (MTUC), the Congress of Unions of Employees in the Public and Civil Services (Cuepacs) and the Union Network International-Malaysia Labour Centre (UNIMLC).

"We want to ensure that more IR practitioners are available to support workers in handling claims, especially at the Industrial Court," Sim said.

He also described the resolu-

tion of the long-standing internal crisis within MTUC as a boost to workers' solidarity.

"I am grateful that the internal conflict has finally been resolved.

"With a new leadership, I believe the union will continue to champion workers' rights," he said while announcing a RM100,000 allocation to MTUC.

He added that UNIMLC and Cuepacs also received RM50,000 and RM100,000, respectively.

The assembly was attended by 3,000 representatives from trade unions and agencies under the Human Resources Ministry.

Also present were the ministry's deputy secretary-general (policy and international) Dr Mohd Shaharin Umar, MTUC president

Datuk Abdul Halim Mansor, Cuepacs president Datuk Dr Adnan Mat and Trade Union Affairs Department secretary-general Mohd Asri Abdul Wahab.

At the event, Dr Adnan was awarded the Human Resources Ministry Special Award while National Union of the Teaching Profession president Aminuddin Awang received the Trade Union Personality Award.

Three recipients of the Exemplary Trade Union Award for the public, private and statutory board sector were Perak Islamic Religious Department Support Staff Union, Kelantan Water Workers Union Sdn Bhd and Peninsular Malaysia Inland Revenue Board Support Service Employees Union.

BH AHAD 7 September 2025

Komentar

11

Komitmen semua pastikan RUU Pekerja Gig bukan cuma simbolik



Timbalan Presiden
PKR

Oleh Nurul Izzah Anwar
bhrencana@bh.com.my

Apas yang berlaku di Indonesia mengemukakan dan mengusulkan kita semua. Insiden tragik menimpa Allahyarham Affan Kurniawan menjadi simbol penindasan pekerja bawahan dan pekerja gig yang terperangkap dengan sistem kuasa sedia ada.

Di Malaysia, penting untuk kita bertindak pantas. Kita perlu terus mendengar dan menilai, paling penting melulus rang undang-undang (RUU) yang digubal sekian lama dan kini pada peringkat Dewan Negara.

Ada beberapa 'bisikan' mempersoal mengapa RUU ini ingin digesa-gesa. Jawapannya mudah: kebajikan pekerja gig dan kontraktor yang tidak dilindungi tidak boleh ditangguhkan.

Perjuangan pekerja gig yang sekian lama tertunggak, kini mempunyai perlindungan kukuh di sisi perundangan, tepat sempena sambutan bulan kemerdekaan kita apabila diluluskan di Dewan Rakyat.

Beberapa tahun lalu, sekumpulan penunggang motosikal penghantar makanan bertemu saya. Mereka mengeluh kerana sistem bekerja, namun hasil semakin mengencil, menunjukkan bahawa sistem sedia ada menindas mereka mencari rezeki. Bayangkan, setiap kali masuk ke pusat membeli-belah untuk mengambil pesanan, mereka perlu membayar caj parkir.

Ada yang sehingga 10 kali sehari. Akhirnya, demi berjinmat, mereka terpaksa meletakkan motosikal di tepi jalan. Akibatnya, disaman pula. Pada akhir kerja dan akhir bulan, wang yang sepatutnya digunakan untuk menyara keluarga habis begitu sahaja.

Caj parkir menjadi keluhan memeti jalan penyelesaian. Kami mulakan projek rintis di Sunway Carnival Mall dengan menyediakan parkir percuma buat penunggang motosikal penghantar makanan.

Bagi penyelesaian jangka panjang pula, kita seharusnya mewajibkan pusat membeli-belah menyediakan medan kenderaan khusus untuk mereka di hadapan pintu masuk utama sebagai syarat pembaharuan lesen operasi mereka.

Begitulah kenyataan pekerja gig di Malaysia. Mereka ialah tulang belakang ekonomi baharu kita dengan lebih 1.12 juta rakyat bekerja dalam ekonomi gig melalui 137 syarikat platform berlesen, namun sering dianggap sekadar angka dalam aplikasi pesanan.

Risiko ditempuh di jalan raya, tanpa perlindungan dan jaminan serta sering tanpa kepastian mengenai pendapatan hari esok seolah-olah tenggelam di sebalik aplikasi teknologi tinggi.

Sewaktu berdiri di Parlimen pada awal 2022, saya menekankan hal ini. Meskipun ekonomi gig membuka peluang pekerjaan kepada jutaan rakyat, ia mencetuskan tekanan besar terhadap golongan pekerja.

Data PERKESO menunjukkan lebih 821,000 pekerja sendiri mencarum di bawah skim perlindungan sosial, termasuk lebih 133,000 pekerja p-hailing dan 189,000 pekerja e-hailing. Bagi pemandu, walaupun bekerja lebih sepuluh jam sehari, ramai hanya membawa pulang sekitar RM2,000 hingga RM2,500 sebulan.

Sepuluh pula gagal mencapai paras gaji minimum setelah mengambil kira kos petrol, tol dan penyelenggaraan motosikal. Hatta pinjaman bank juga tidak lepas kerana dianggap tidak berpendapatan tetap.

Anjakan dijanjikan akhirnya menjadi perangak hamba aplikasi, bukannya kebebasan memilih.

Lulusnya RUU Pekerja Gig 2025 di Dewan Rakyat selepas dibentang Menteri Sumber Manusia, Steven Sim itu, memperlihatkan undang-undang khusus demi melindungi pekerja gig.

Jika dilaksanakan dengan teliti, ia bukan sekadar pindaan teknikal, tetapi reformasi sosial sebenar. Kemenangan ini sesuai dengan semangat kemerdekaan, iaitu membebaskan mereka daripada tekanan dan belenggu.

Seperti mana diingatkan Nelson Mandela, 'Menjadi bebas bukan sekadar melepaskan belenggu di tangan, tetapi hidup dengan cara menghormati serta memperkukuh kebebasan orang lain'.

Tuntut kesungguhan politik berterusan

Pun begitu, adakah kita yakin 137 syarikat platform ini akan mematuhi semangat dan undang-undang baharu tanpa penguatkuasaan ketat? Mari kita lihat perinciannya.

RUU ini secara khususnya mendefinisikan pekerja gig sebagai warga atau pemastautin tetap yang memeterai perjanjian perkhidmatan dengan entiti kontrak. Definisi ini membezakan pekerja gig dengan kakitangan kontrak di bawah Akta Kerja 1955, memberikan kejelasan undang-undang yang amat diperlukan.

Ramai masih belum faham pekerjaan gig bukanlah sekadar merangkumi pekerjaan khidmat penghantaran sahaja. Bidang perkhidmatan dilindungi termasuk lakonan, aktiviti perfileman dan muzik, estetik, terjemahan, kewartawanan, penjagaan kesihatan serta fotografi.

Dua teras baharu yang amat penting ialah penubuhan Tribunal Pekerja Gig untuk penyelesaian pertikaian pantas serta Majlis Perundingan yang

membuka ruang dialog terus antara kerajaan, penyedia platform dan pekerja gig.

Paling besar ialah isu pendapatan tidak menentu yang selama ini membelenggu pekerja e-hailing dan p-hailing. Dengan adanya undang-undang ini, sudah pasti ada sinar baharu.

Namun, undang-undang hanyalah langkah pertama. Tanpa penguatkuasaan terus dan kesungguhan politik berterusan, ia berisiko kekal sebagai teks di atas kertas.

Sejarah membuktikan tiada keadilan pekerjaan benar-benar teguh tanpa suara kolektif. Pekerja gig berhak membentuk persatuan, duduk semeja dengan syarikat platform dan menuntut syarat seimbang.

Seperti dilaukan Martin Luther King Jr., 'Dalam perjuangan gemilang kita untuk hak sivil, kita mesti berhati-hati agar tidak terpedaya dengan slogan palsu seperti 'hak untuk bekerja'. Ia tidak memberikan sebarang 'hak' dan tidak juga menyediakan 'pekerjaan'. Tujuannya hanyalah untuk mengahcurkan kesatuan pekerja dan kebebasan berunding secara kolektif'.

Kesatuan Eropah (EU) dengan Platform Work Directive dan Indonesia dengan Asosiasi Pengemudi Ojek Online (ASOJOL) Garda Indonesia mereka membuktikan. Kini, giliran Malaysia.

Kerajaan MADANI kini memikul amanah untuk memastikan janji undang-undang ini menjadi kenyataan. Yang kita perlukan ialah keberanian moral, sokongan masyarakat dan komitmen setiap wakil rakyat, agar RUU Pekerja Gig 2025 benar-benar menjadi pelindung, bukan sekadar simbolik.

Berilah makna kepada usaha diri dan perjuangan menegakkan keadilan sosial buat pekerja gig.

Ragam



KESUMA pinda Akta 4 lindungi keselamatan pekerja 24 jam

RUU pastikan kakitangan dapat perlindungan PERKESO walau di luar waktu kerja

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kepala Batas: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) sedang merangka pindaan terhadap Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) bagi memberi perlindungan keselamatan menyeluruh di luar waktu kerja kepada pekerja di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata sekiranya tiada sebarang masalah, pindaan itu dijangka dibentangkan di Parlimen tahun ini.

Katanya, apabila RUU itu diluluskan nanti pekerja tidak hanya dilindungi semasa bekerja tetapi turut mendapat perlindungan di luar waktu kerja.

"PERKESO berhasrat untuk memperluaskan skim perlindungan khususnya di bawah Akta 4 ini kepada pekerja menjangkau waktu kerja sebab sekarang kalau apa-apa perlindungan adalah berkaitan dengan pekerjaan dan dalam tempoh waktu kerja termasuk pergi ba-

lik kerja dan sebagainya.

"Jadi, kalau dia (pekerja) balik rumah dan contohnya kalau berlaku apa-apa (di luar waktu kerja) dia (sudah) tidak dilindungi (PERKESO), di sini nampak satu kelompokan.

"Apatah lagi, di Malaysia ini hanya 40 peratus dilindungi di bawah insurans swasta, maka ini (perlindungan PERKESO 24 jam) memang satu keperluan khususnya untuk memastikan golongan pekerja kita mendapat perlindungan yang menyeluruh dan secukupnya," katanya.

Terdahulu, Sim yang juga Ahli Parlimen Bukit Mertajam ditemui pemberita ketika merasmikan Perhimpunan Kesatuan Sekerja Peringkat Kebangsaan Tahun 2025 di Bertam, di sini semalam.

Sim berkata, soal perlindungan 24 jam pekerja sudah lama diperjuangkan, namun beliau bersyukur apabila dasar berhubung perkara itu diluluskan di kabinet, baru-baru ini.

"Sekarang kita tengah dalam perancangan untuk merangka pindaan akta (RUU) itu dan jika tiada aral melintang, saya akan bantangkan RUU ini di Parlimen, pada tahun ini.

"Selepas ini, pekerja apabila balik rumah mahupun buat kerja di kawasan lain sekali pun dia akan mendapat perlindungan secara menyeluruh," katanya.

Sebelum ini, KESUMA memulakan inisiatif menyemak semula 28 undang-undang perburuhan di bawah kementerian itu bagi me-



Sim (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Khas Menteri Sumber Manusia kepada Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Datuk Dr Adnan Mat (tiga dari kanan) pada Perhimpunan Kesatuan Sekerja Peringkat Kebangsaan 2025 di Kepala Batas, semalam. (Foto BERNAMA)

mastikan peruntukan yang sudah lapuk dapat dimurnikan dan diselaras dengan amalan terbaik semasa.

Proses semakan meliputi beberapa undang-undang utama termasuk Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh Sabah dan Ordinan Buruh Sarawak yang sebahagiannya sudah lama wujud iaitu sebelum merdeka.

Sementara itu, Sim berkata KESUMA bercadang memperluaskan penubuhan pusat sehenti tenaga kerja di seluruh negara

dalam usaha memastikan lebih banyak pekerja menikmati perkhidmatan yang disediakan.

Sokong pusat sehenti

Beliau berkata, sambutan terhadap empat pusat itu yang sudah dibuka di Pulau Pinang, Kuala Lumpur, Johor dan Sabah sebagai projek rintisan mendapat reaksi cukup baik dalam kalangan pekerja.

"Pusat ini ditubuhkan dengan konsep kita meletakkan semua perkhidmatan KESUMA ini di

bawah satu bumbung.

"Ia adalah untuk menjadi pemudah cara bagi pemegang taruh kita, khususnya warga pekerja dan majikan semasa mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan dari semua jabatan dan agensi di KESUMA.

"Pada waktu ini ada empat lokasi penubuhan pusat sehenti dan kita merancang untuk menubuhkannya di seluruh negara supaya lebih banyak pekerja mendapat manfaat," katanya.